

18 NOV 1999

Pilihan raya- Murray

BN MUNGKIN KEKALKAN MAJORITI DUA PERTIGA

Oleh: Salmy Hashim

Washington, 18 Nov (Bernama)--Parti Keadilan mungkin mendapat lima atau enam kerusi Parlimen dalam pilihan raya yang ke-10 ini, tetapi Barisan Alternatif yang terdiri daripada Keadilan, PAS, DAP dan PRM mungkin tidak dapat mengurangkan majoriti dua pertiga Barisan Nasional, kata Ketua Biro Far Eastern Economic Review (FEER) Washington Murray Hiebert pada hari Rabu.

"Rakyat berasa marah dan terdapat banyak simpati terhadap pembangkang .. tetapi Barisan Alternatif masih belum diuji dan penggundi tidak pasti tentang pakatan itu," kata Hiebert yang pernah menjalani hukuman penjara di Malaysia selama 30 hari kerana menghina mahkamah berikutan artikelnya yang dikeluarkan dalam FEER.

Pada majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Freedom Forum, beliau yang dibebaskan pada 11 Okt berkata, ekonomi yang kian pulih membantu BN, dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih lagi dianggap sebagai "arkitek pemulihan ekonomi."

Sejumlah 193 kerusi Parlimen dan 394 kerusi dewan undangan negeri akan dipertandingkan.

Hiebert berkata beliau tidak menjangka Keadilan akan hanya tinggal nama selepas pilihan raya, jika mereka mendapat lima atau enam kerusi, itu adalah pencapaian yang baik.

Berkaitan Anwar, Hiebert berkata adalah sukar baginya bergiat aktif semula dalam politik kerana beliau akan berumur 60-an selepas menjalani hukuman penjara.

"Adalah sukar bagi beliau ..kecuali beliau diberikan pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong," kata Hiebert.

Hiebert, yang ingin datang semula ke Malaysia satu hari nanti menceritakan pengalamannya semasa dalam penjara, di penjara Sungai Buloh saya hanyalah BSB1366/99HL. "

Kemudian apabila ditanya semasa rakaman televisyen, sama ada beliau mendapat perbicaraan adil di Malaysia, Hiebert berkata sesiapa yang menjalani perbicaraan tidak akan mengatakan beliau mendapat perbicaraan adil, bagaimanapun beliau berkata jika beliau dibicarakan beliau lebih suka dibicarakan di Amerika Syarikat tetapi menjalani hukuman penjara di Malaysia.

Beliau berkata mendapat layanan baik daripada banduan dan pengawal penjara di Malaysia.

Katanya, beliau mungkin tidak mendapat layanan yang sama dalam sistem penjara AS yang lebih ganas.

-- BERNAMA

SH RI